



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
*Skills Development Fund Corporation*  
Kementerian Sumber Manusia  
*Ministry of Human Resources*  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6007  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)  
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.PK.600-1/2/179 ( 28 )

Tarikh : 27 Februari 2026

**PENGURUS PENYEDIA LATIHAN**  
**COLLEGE MCS (L00485)**

Lot 1, Aim Point Plaza,  
Bandar Sungai Emas,  
42700, Banting

**SELANGOR**

☎ 03-31812020

☎ 03-31876625

Tuan,

**NOTIS TINDAKAN MENGEHADKAN KAPASITI PENGAMBILAN PELATIH KE ATAS**  
**PENYEDIA LATIHAN (PL) COLLEGE MCS (L00485) BAGI TAHUN 2026**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa susulan daripada penjelasan yang diberikan oleh Penyedia Latihan (PL) College MCS berhubung urusan pengambilan pelatih dan permohonan pinjaman dengan PTPK, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran Dan Agihan (JPP&A) Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bilangan 1 Tahun 2026 yang telah bersidang pada 23 Januari 2026, telah membuat keputusan **mengehadkan kapasiti pengambilan pelatih bagi PL College MCS (L00485) bagi tahun 2026** seperti berikut:

- (i) bagi program dengan kapasiti JPK kurang daripada 100, kapasiti pengambilan dihadkan kepada 25 pelatih; dan
- (ii) bagi program dengan kapasiti JPK melebihi 100, kapasiti pengambilan dihadkan kepada 50 pelatih.

3. Sehubungan itu, tindakan mengehadkan kapasiti pengambilan pelatih ini berkuatkuasa SERTA-MERTA selama setahun bagi kelulusan kapasiti PL untuk tahun 2026. Pihak tuan adalah diminta untuk membuat perancangan dan memastikan pengambilan serta pendaftaran pelatih adalah mengikut tempoh semasa pendaftaran bagi mengelakkan

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)



**NOTIS TINDAKAN MENGHADKAN KAPASITI PENGAMBILAN PELATIH KE ATAS  
PENYEDIA LATIHAN (PL) COLLEGE MCS (L00485) BAGI TAHUN 2026**

---

isu kelewatan penerimaan Kos Sara Hidup (KSH) pelatih berulang dan menjejaskan nama baik PTPK.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak puan boleh menghubungi Cawangan Penguatkuasaan iaitu Puan Lidyawati Binti Mohd Said menerusi talian 03-4051 6435/ e-mel [lidyawati@ptpk.gov.my](mailto:lidyawati@ptpk.gov.my) atau Tuan Rosemaeda Binti Tuan Ween Binti menerusi talian 03- 4051 6439 / e-mel [rosemaeda@ptpk.gov.my](mailto:rosemaeda@ptpk.gov.my). Segala perhatian dan kerjasama yang puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Pekerja Kesuma Bangsa"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA**

s.k :

- i) Fail Tindakan Penguatkuasaan PL (L00485)
- ii) Pengurus (Bahagian Pengurusan Kredit)
- iii) Pengarah Bahagian Inspektorat (BI),  
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)